

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, February 11, 2020 2:18 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lawatan Akademik Ke Maghribi Dan Sepanyol Erat Silaturahmi



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 FEBRUARI 2020 / 17 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Prof. Dr. Che Su Mustaffa
Gambar oleh: MPUUM

LAWATAN AKADEMIK KE MAGHRIBI DAN SEPANYOL ERAT SILATURAHIM



UUM ONLINE: Lawatan akademik ahli Majlis Profesor Universiti Utara Malaysia (MPUUM) bukan sekadar meneroka jalinan hubungan akademik dengan universiti negara berkenaan, malah turut mengeratkan silaturahmi sesama ahli.

Lawatan yang diketuai Prof. Dr. Khulida Kirana Yahaya bersama 23 profesor itu turut disertai profesor yang telah bersara iaitu Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail, Dr. Kalsom Kayat dan Prof. Dr. Abdul Razak Chik.

Prof. Dr. Khulida berkata, lawatan ini berjaya mencapai matlamat yang digariskan untuk merapatkan jalinan hubungan akademik dan penyelidikan dengan universiti yang dilawati.

Menurutnya, perbincangan yang diadakan turut melibatkan aktiviti lain seperti program pertukaran staf, pelajar dan penganjuran seminar secara bersama.

Sementara itu, Prof Dr. Asmah Laili Yeon menyifatkan jadual lawatan yang agak padat bukanlah penghalang untuk mereka bersama-sama mengeratkan hubungan silaturahim.

Manakala, Setiausaha MPUUM, Prof. Dr. Asmadi Mohamed Naim berkata, beliau rasa bersyukur kerana lawatan akademik ahli MPUUM itu berjalan lancar.

“Alhamdulillah, kita tidak menghadapi sebarang masalah besar sepanjang berada di sana termasuk dari aspek pengangkutan dan penginapan yang disediakan seperti yang dijanjikan. Insya Allah sekiranya diberikan kesempatan, lawatan sebegini akan diadakan lagi,” katanya.

Antara tempat yang dikunjungi Real Madrid FC Stadium, Royal Monestry de El Escorial, Mezuita Cathedral, AlHambra Palace, Hassan II Mosque, Cadi Ayyad University dan al-Akhawayn University.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.